

Kumpulan terakhir setinggian dapat sagu hati

43 rumah di Sungai Siput terima bayaran daripada Kerajaan Persekutuan

KUALA LUMPUR - Kerajaan Persekutuan akan membuat bayaran sagu hati kepada kumpulan terakhir setinggian di Perak iaitu di Sungai Siput, yang terjejas oleh Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar (PLBE).

"Sungai Siput merupakan kawasan terakhir setinggian kediaman di Perak yang akan dibayar bayaran sagu hati oleh Kerajaan Persekutuan, manakala di kawasan lain di Perak telah pun menerima bayaran sagu hati mereka," kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Tee Keat berkata, 43 rumah ke-



● ONG TEE KEAT

diaman setinggian di kawasan itu akan mendapat bayaran sagu hati daripada keseluruhan 490 rumah setinggian yang dibayar sagu hati itu di seluruh Perak.

"Keseluruhannya, sebanyak RM4 juta telah diperuntukkan untuk bayaran sagu hati kepada setinggian-setinggian kediaman dan tambahan sebanyak lebih daripada RM12 juta

lagi bagi membiayai kos infrastruktur, untuk penempatan semula penduduk di bawah Rancangan Penempatan Tersusun (RPT) di Perak," katanya.

Pada minggu lepas, Tee Keat berkata, beliau yakin pembinaan landasan itu akan siap mengikut jadual pada 2013 walaupun pembinaan landasan

itu menghadapi sedikit kelewatan berikutan masalah pengambilan tanah.

Kerja pembinaan yang dikendalikan MMC-Gamuda JV kini berjalan lancar di Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

PLBE sejauh 329 km itu berharga RM12.485 bilion dan merupakan kesinambungan kepada projek landasan berkembar elektrik yang menghubungkan Rawang di Selangor dan Ipoh, Perak, yang siap sepenuhnya pada 31 Disember 2007.

- Bernama